

## DOKTRIN BI-LA-KAIFA MENURUT AL-ASY'ARI

Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim  
Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya

*The author studies the controversial doctrine of bi-la-kaifa according to Imam Ash'ari as well as other scholars, such as Ahmad Ibn Hambali.*

Doktrin *bi-la-kaifa* biasanya dikaitkan dengan al-Asy'ari secara langsung dan ianya menjadi satu manifestasi kepada sikap beliau di dalam mempertahankan sifat-sifat Tuhan yang menyerupai sifat-sifat makhluk (*tasybih*) di dalam bukunya *al-Ibanah*. Tetapi kajian yang mendalam menunjukkan bahawa doktrin ini telah wujud sebelumnya. Malah sebelum Ahmad bin Hanbal<sup>1</sup>.

Kemungkinan besar kewujudan doktrin ini ialah bagi menentang fahaman Muktazilah yang menggunakan *ta'wil* apabila mereka menghadapi ayat-ayat dan hadis-hadis mengenai *tasybih* seperti Tuhan mempunyai muka, tangan, mata, turun di langit dunia di waktu satu pertiga malam dan sebagainya dan fahaman Musyabbihah yang menyatakan bahawa sifat-sifat Tuhan menyerupai sifat-sifat makhluk.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>W. M. Watt, *The Formative Period of Islamic Thought*, Edinburgh 1973, hal. 295.

<sup>2</sup>al-Syahrastani, *al-Milal wa'an-Nihal*, Cairo, 1968, J.I, hal. 103-109.

Di dalam menghadapi kedua-dua fahaman tersebut, al-Asy'ari mengemukakan dan memperkukuhkan doktrin *bi-la-kaifa*. Lantaran itu apabila membicarakan ayat-ayat al-Quran yang menyatakan bahawa Tuhan mempunyai "dua tangan" umpamanya sebagaimana firman-Nya di dalam *surah al-Ma'idah* 5:64 "kedua-dua tangan Allah terbuka", maka al-Asy'ari menyatakan bahawa Tuhan mempunyai "dua tangan" *bi-la-kaifa* (tanpa bertanya bagaimana?)<sup>1</sup> Begitu juga halnya dengan ayat-ayat yang membicarakan tentang "mata" umpamanya sebagaimana firman-Nya di dalam *surah al-Qamar* 54:14 "yang belayar dengan mata (mata) kami", maka al-Asy'ari menyatakan bahawa Tuhan mempunyai "dua mata" tetapi *bi-la-kaifa*.<sup>2</sup>

Lantaran itu tidak hairanlah jika al-Asy'ari di dalam *al-Ibanah* mengakui Ahmad bin Hanbal sebagai imam yang sempurna lalu memperkukuhkan doktrin *bi-la-kaifa*.<sup>3</sup>

Pengakuan beliau terhadap kepimpinan Ahmad bin Hanbal disatu segi bererti beliau memihak kepada *Ahl al-hadith* yang menjadi musuh kepada kaum Rationalis (Muktazilah) pada masa itu. Disatu segi yang lain bagi mengukuhkan keuddukan beliau sendiri sebagai penentang kepada fahaman Muktazilah yang dianuti sebelumnya. Dengan ini beliau bukan lagi berpegang kepada fahaman Muktazilah apatah lagi memperakui kepimpinan mereka. Malah memusuhi mereka pula dengan memihak kepada musuh Muktazilah. Dengan berbuat demikian beliau mendapat simpati dari penentang-penentang Muktazilah terutamanya pengikut-pengikut Ahmad bin Hanbal sekurang-kurangnya untuk sementara waktu kerana di dalam bukunya *al-Istihsan al-Khaud fi 'ilm al-kalam*,<sup>4</sup> beliau menentang Ahmad bin Hanbal dan pengikut-mengikutnya kerana penentangan mereka terhadap penggunaan ilmu *al-Kalam* sebagai satu metod *reasoning* bagi mempertahankan akidah Islamiyyah.

Mereka mengatakan bahawa orang-orang yang mengamalkan ilmu *al-Kalam* sebagai bid'ah dan sesat dengan alasan bahawa nabi s.a.w. tidak membicarakan mengenai. Mereka menyatakan bahawa jika perbincangan mengenai mendatangkan kebaikan, nescaya nabi s.a.w., keluarganya dan para sahabatnya memberitahukan umatnya tentang kebaikan tersebut. Sekiranya mereka mengetahuinya tetapi tidak membincangkannya, maka kita sepatutnya tidak membincangkannya. Atau jika mereka tidak mengetahuinya, maka kita juga

---

<sup>1</sup>al-Asy'ari, *al-Ibanah'an Usul al-Diyanah*, Cairo, 1385, hal. 9-11.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>al-Asy'ari, *al-Istihsan al-Khaud fi 'ilm al-Kalam*, Haiderabad 1344H.

tidak wajib mengetahuinya seperti mereka. Dan sekiranya ia sebahagian daripada agama kenapa mereka tidak mengetahuinya atau berdiam diri mengetahuinya.<sup>1</sup>

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh penentang-penentang penggunaan ilmu *al-Kalam* nampaknya terlalu *rijid* tanpa memberi ruang kepada pemikiran yang luas. Malah mereka lebih berpegang kepada doktrin *bi-la-kaifa*. Untuk menjawab hujah-hujah mereka, al-Asy'ari menyatakan bahawa walaupun nabi s.a.w. tidak memberitahukan umatnya tentang kebaikan ilmu *al-Kalam*, tetapi beliau tidak mengatakan bahawa orang yang membincangkannya sebagai bid'ah dan sesat. Lantaran itu, menurut al-Asy'ari, merekalah yang sepatutnya menjadi bid'ah dan sesat. Kerana mereka mengatakan sesuatu yang tidak disabdakan oleh nabi s.a.w. Lantaran itu mereka menyesatkan orang-orang yang tidak disesatkan oleh nabi s.a.w.<sup>2</sup>

Sebenarnya nabi s.a.w. menurut al-Asy'ari, bukanlah seorang yang jahil tentang ilmu *al-Kalam* sekalipun beliau tidak emmbicarakannya kerana topik-topik perbincangan tersebut terdapat di dalam al-Quran secara ringkas.<sup>3</sup> Nampaknya hujah-hujah yang dikemukakan oleh al-Asy'ari menunjukkan bahawa beliau pada hakikatnya telah berpindah dari doktrin *bi-la-kaifa* secara umum sementara Ahmad bin Hanbal dan pengikut-pengikutnya masih berpegang kepada doktrin tersebut. Lantaran itu doktrin *bi-la-kaifa* merupakan titik persamaan di antara teologi al-Asy'ari dan teologi Ahmad bin Hanbal di peringkat permulaan.

Di dalam *al-Ibanah*, al-Asy'ari menegaskan bahawa persoalan agama tidak dapat diselesaikan melalui akal. Hanya wahyu sahaja yang dapat menyelesaikannya. Lantaran itu tidak hairanlah jika didapati beliau menyatakan bahawa *ma'rifat* Allah tidak wajib melalui akal, tetapi ianya wajib melalui wahyu.<sup>4</sup> Persoalan yang timbul sejauh manakah beliau berpegang kepada wahyu di dalam urusan keagamaan tanpa penekanan kepada akal? Kerana di dalam bukunya *al-Luma'* secara tidak langsung beliau telah mengeneppikan doktrin *bi-la-kaifa* dengan menggunakan metod *reasoning* di dalam penentangan

---

<sup>1</sup>al-Asy'ari, *al-Istihsan fi al-Khaud fi 'ilm al-Kalam*, hal. 88.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 49; Lihat juga rencana saya berjudul "The Relation of Reason and Revelation" dalam *Islamic Culture*, Hyderabad 1980 hal. 63-74.

beliau terhadap Muktaẓilah.<sup>1</sup>

Oleh itu doktrin *bi-la-kaifa* tidak digunakan di dalam *al-Luma'*. Kemungkinan doktrin tersebut tidak memadai untuk berhujah dengan Muktaẓilah yang menggunakan akal di dalam mempertahankan hujah-hujah mereka. Oleh itu tidak hairanlah jika kebanyakan pengkaji mengatakan bahawa pemikiran al-Asy'ari di dalam *al-Luma'* lebih mendalam dan bererti jika dibandingkan dengan pemikiran beliau di dalam *al-ibanaḥ*. Hammuda Ghoraba menyatakan bahawa, "*al-Luma'*" is more profound in thought, more orderly and more rational.<sup>2</sup> Apa yang lebih menghairankan ialah tentangan al-Asy'ari terhadap amalan *taqlid* di dalam teologi. Lantaran itu ia bertentangan dengan konsep doktrin *bi-la-kaifa* yang tidak memusatkan kepada penggunaan akal. Beliau menegaskan bahawa orang yang melakukan *taqlid* bukan musyrik dan bukan pula kafir tetapi ianya tidak dinamakan mukmin.<sup>3</sup> Ini menunjukkan penekanan beliau terhadap penggunaan akal sebagai metod *reasoning* dengan mengetepikan doktrin *bi-la-kaifa* sekurang-kurangnya untuk sementara waktu. Rupanya al-Asy'ari yang telah meninggalkan fahaman Muktaẓilah yang meletakkan kedudukan akal begitu tinggi, tidak juga dapat menolak peranan akal.<sup>4</sup>

Penekanan al-Asy'ari terhadap penggunaan akal di dalam soal-soal tertentu dianggap sebagai bertentangan dengan doktrin *bi-la-kaifa* yang melarang penggunaan akal secara meluas. Apatah lagi mengenai *imamah* di mana beliau menegaskan bahawa *imamah* boleh dilakukan melalui akal secara *ta'abud*.<sup>5</sup> Sementara al-Asya'irah berpendapat *imamah* tidak wajib melalui akal tetapi ianya wajib melalui Syarak.<sup>6</sup> Oleh itu doktrin *bi-la-kaifa* hanya dilakukan di peringkat peralihan di antara penggunaan akal secara mutlak sebagaimana dilakukan oleh Muktaẓilah dan kemutlakkan wahyu sebagaimana di dakwa oleh Ahlu al-Hadith. Nampaknya doktrin *bi-la-kaifa* tidak dise-

---

<sup>1</sup>al-Asy'ari, *Kitab al Luma' Fi al-Radd `Ala Ahl al-Zaiqh wa al-Bida'*, Cairo, 1955.

<sup>2</sup>Hammuda Ghoraba "al-Ash'ari's kitab al-luma' dalam *J Q*, 1 (1955) hal. 191.

<sup>3</sup>al-Baghdadi, *Usul al-Din*, Istanbul 1928, hal. 255, lihat juga rencana saya berjudul "Konsep Taqlid dalam Teologi Islam" dalam *Medium* Kuala Lumpur 1988, bil. 1, hal. 80.

<sup>4</sup>Lihat rencana saya "Konsep Taqlid dalam Teologi Islam" dalam *Medium* 1988 bil. 1, hal. 80-81.

<sup>5</sup>al-Baghdadi, *Usul al-Din*, Istanbul 1928, hal. 272.

<sup>6</sup>*Ibid*, hal. 487.

nangi oleh sebahagian al-Asya'irah. Kerana mereka bersetuju menggunakan *ta'wil* sebagaimana dilakukan oleh Muktazilah.<sup>1</sup>

Al-Ghazali umpamanya telah memberi pengertian yang lebih terbuka mengenai ayat-ayat *tasybih* jika dibandingkan dengan al-Asy'ari sendiri. beliau mengatakan *al-Yad* (tangan) mempunyai dua pengertian. Pertama: ianya merupakan anggota lahir yang terdiri dari daging yang mempunyai ukuran-ukuran tertentu seperti tangan kita. Kedua: ianya merupakan anggota bukan lahir umpamanya "negera ini adalah "di tangan" pemerintahnya", sekalipun pemerintah tangannya terpotong. Oleh itu tangan yan dimaksudkan itu bukanlah terdiri dari anggota lahir kerana itu adalah mustahil bagi Allah SWT.<sup>2</sup> Oleh itu pemikiran al-Asy'ari yang dikatakan sebagai jalan tengah di antara Muktazilah dan Musyabbihah, pada hakikatnya masih dianggap oleh sesetengah pihak sebagai cenderung kepada Musyabbihah.<sup>3</sup>

Perbezaan pendapat beliau dengan Ahmad bin Hanbal dan pengikut-pengikutnya mengenai ilmu *al-Kalam* dan lain-lain tidak berahir begitu saja. Malah mereka pergi lebih jauh dari itu dengan melakukan *takfir* (kafir mengkafir) sesama mereka. Hakikat ini telah diterangkan oleh al-Ghazali di dalam bukunya *Fisal al-Tafriqah Baina al-Islam wa al-Zandaqah*.<sup>4</sup> Beliau berkata: "Jika seseorang berpendapat bahawa menyalahi mazhab al-Asy'ari dalam setiap perkara adalah kafir, maka bertanyalah kepadanya dari manakah sabitnya kebenaran di pihak al-Asy'ari (W.935M.)? Sehingga menghukum al-Baqillani (w.1013M.) sebagai kafir! Semata-mata kerana dia menyalahi al-Asya'ari mengenai sifat *baqa'* bagi Allah s.w.t. Dia berpendapat bahawa *baqa'* bukan sifat bagi Allah yang lebih dari zat. Kenapakah al-Baqillani lebih berhak untuk dikafirkan kerana beliau menyalahi al-Asy'ari dan bukan al-Asy'ari kerana menyalahi al-Baqillani? Kenapakah kebenaran terhenti di atas yang pertama (al-Asy'ari) dan bukan di atas yang kedua (al-Baqillani)? Adakah hukuman itu disebabkan oleh fakta masa di mana al-Asy'ari lebih awal dari Baqillani? Jika ini menjadi alasan, nescaya kebenaran itu bagi orang yang

-----

<sup>1</sup>Lihat umpamanya, al-Baidawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Cairo, t.t., J. 1, hal. 182.

<sup>2</sup>al-Ghazali, *Ijam al-'Awwam, an 'Ilm al-Kalam*, Cairo 1970, hal. 63. Lihat rencana saya "Konsep Iman dalam Ilm al-Kalam" dalam *ISLAMIKA*, Kuala Lumpur, 1985, hal. 109-115.

<sup>3</sup>Lihat umpamanya, al-Zamakhshari, *al-Kasysyaf 'an Haqa'iq wa Ghawamid al-Tanzil*, Cairo, t.t., J. 1, hal. 108.

<sup>4</sup>al-Ghazzali, *Fisal al-Tafriqah Baina al-Islam wa Zandaqah*, Cairo 1970, hal. 126. Terjemahan bahasa Malaysia oleh Lutpi Ibrahim, *Imam al-Ghazali: Penyelesaian Masalah Kafir-Mengkafir*, Pustaka Ilmu Raya, Kuala Lumpur, 1982, hal. 15.

datang sebelum al-Asy'ari.<sup>1</sup>

Al-Ghazali memang tidak berpuas hati dengan masalah "kafir-mengkafir" (*takfir*), apatah lagi ianya berlaku di kalangan pengikut-pengikut Ahl al-Sunnah sendiri. Beliau menambah: "Pengikut al-Hanbali mengkafirkan pengikut al-Asy'ari kerana menyangka dia telah membohongi Rasul s.a.w. di dalam menetapkan *al-Fauq* (di atas) bagi Allah, dan *istiwa'* (menduduki) di atas 'Arasy. pengikut al-Asy'ari mengkafirkan pengikut al-Hanbali dengan alasan dia mentasybihkan Tuhan (dengan sifat makhluk) dan membohongi Rasul s.a.w. Al-Asy'ari pula mengkafirkan Muktazilah dengan alasan mereka membohongi Rasul s.a.w. di dalam "pengharusan" melihat Tuhan, dan "pengithkatan", (sifat) ilmu, qudrat dan lain-lain".<sup>2</sup>

Lantaran itu, dakwaan yang mengatakan bahawa buku *al-Ibanah* sebagai karangan al-Asy'ari yang terakhir kerana ianya menyokong pendapat *Ahl al-Hadith* yang diketuai oleh Ahmad bin Hanbal adalah kurang tepat kerana ianya bertentangan dengan bukunya *al-Luma'* dan *al-Istihsan* yang menggunakan *reasoning* sebagai metod di dalam ilmu *al-Kalam* di mana ianya ditentang oleh Ahmad bin Hanbal. Dan ia juga bertentangan dengan kenyataan al-Ghazali sendiri yang menerangkan perbezaan pendapat di antara mereka masih berlautan.

---

<sup>1</sup>*Ibid.*

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 129, 19-20